



## JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA

Ibu Pejabat Kastam Diraja Malaysia  
Bahagian Kastam  
Aras 4 Utara, Kompleks Kementerian Kewangan  
No. 3, Persiaran Perdana, Presint 2  
62596 Putrajaya,  
MALAYSIA.

No. Tel : 03-8882 2649  
No. Fax : 03-8889 5988  
Laman Web : [www.customs.gov.my](http://www.customs.gov.my)



Diiktiraf MS ISO 9001 : 2000  
Penghargaan Rombengan Kasut Perabot dan  
Warga Kastam Diraja Malaysia di Ibu Pejabat

## SEGERA DENGAN FAKS

Ruj. Kami : **KE.HE(44)264/01(B)Klt.9(3)**

Tarikh : **19 April 2011**

Senarai Seperti Di Lampiran I

Tuan,

### SYARAT-SYARAT PERMOHONAN LESEN GUDANG BERLESEN AWAM

Saya dengan segala hormatnya merujuk kepada perkara tersebut di atas dan email tuan bertarikh 7 Februari 2011 adalah berkaitan.

2. Untuk makluman tuan, syarat-syarat Lesen Gudang Berlesen Awam adalah seperti berikut:-

2.1 Sekurang-kurangnya memiliki 30% ekuiti bumiputera.

2.2 Keluasan minima gudang:-

2.2.1 Untuk ruang penyimpanan barangan kritikal : 50,000 kaki persegi (iaitu bersamaan 4,645.15 meter persegi);

2.2.2 Untuk ruang penyimpanan barangan bukan kritikal : 20,000 kaki persegi (iaitu bersamaan 1,858.06 meter persegi); dan

2.2.3 Memandangkan dalam perniagaan penggudangan masa kini di mana keluasan tanah adalah terhad dan pihak syarikat ingin menjimatkan kos membina atau menyewa gudang, maka pihak syarikat dibenarkan untuk memaksimumkan ruang gudang dengan memenuhi isipadu (volume) gudang. Dalam keadaan begini, jika syarikat memilih ukuran isipadu, jumlah keluasan isipadu minima gudang bagi penyimpanan barangan kritikal

adalah 28,000 m<sup>3</sup> (cubic meter) dan bukan barangan kritikal pula adalah 12,000 m<sup>3</sup> (cubic meter) isipadu.

- 2.3 Modal berbayar hendaklah sekurang-kurangnya RM 1 Juta bagi penyimpanan barangan kritikal dan sekurang-kurangnya RM 250,000 bagi penyimpanan barangan bukan kritikal.
- 2.4 Pengarah syarikat perlu lulus tapisan keselamatan.
- 2.5 Pemegang lesen adalah dikehendaki mengemukakan jaminan bank sebanyak 10% dari jumlah purata bulanan bagi tempoh setahun ke atas duti dan cukai yang terlibat untuk barang-barang yang disimpan dalam gudang.
- 2.5.1 Kaedah pengiraan jaminan bank adalah seperti berikut:-

$$\frac{\text{Jumlah duti/cukai setahun}}{12 \text{ bulan}} \times 10\%$$


Contoh:  $\frac{\text{RM } 1,200,000}{12} \times 10\% = \text{RM } 10,000.00$

3. Diharap maklumat ini dapat menjawab persoalan yang dikemukakan oleh pihak tuan.

Sekian, terima kasih.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menurut perintah,

  
( RAPEAH BT ABD HADI )  
Bahagian Kastam  
b.p. Ketua Pengarah Kastam  
**MALAYSIA**

(No. Tel : 03-8882 2663 / No. Faks : 03-8889 5886)

s.k

- i) Pengarah,  
Bahagian Perkastaman,  
Ibu Pejabat.
- ii) Timbalan Pengarah,  
Cawangan (Fasilitasi Perdagangan & Perindustrian),  
Ibu Pejabat
- iii) Fail Timbul